

05 AUG 2002

MTUC-Pelabur

MTUC GESA NEGARA ASEAN BENTUK DASAR BERSEPADU TARIK PELABUR ASING

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sekali lagi menggesa negara-negara Asean bersatu padu dalam dasar menarik pelabur-pelabur asing melabur di negara-negara membangun Asean.

Presidennya, Datuk Zainal Rampak berkata, dengan adanya dasar yang bersepadu, ia dapat menyakinkan pelabur asing untuk melabur di negara-negara berkenaan walaupun adanya intensif yang menarik dari negara-negara maju.

Katanya berdasarkan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, intensif-intensif yang diberikan oleh negara-negara maju dan faktor gaji yang murah telah menarik perhatian pelabur-pelabur berkenaan.

"Keistimewaan yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing oleh negara-negara maju dan juga pemindahan pelabur asing kepada negara-negara lain bukan sahaja disebabkan gaji murah, tetapi intensif-intensif yang diberikan," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Katanya, bagi negara ini produktiviti pekerja yang tinggi berbanding negara lain memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing yang telah beroperasi di sini.

Berdasarkan laporan National Productivity Corporation (NPC), dari tahun 1996 hingga 2001, rekod produktiviti Malaysia meningkat 3.3 peratus berbanding dengan negara lain seperti Korea Selatan (3.2%), Singapura (2%) dan Thailand (0.3%).

Bagaimanapun katanya, walaupun badan berkenaan sentiasa mengalu-alukan kemasukan pelaburan asing, mereka harus menghormati hak asasi kaum pekerja selain kebudayaan rakyat negara ini.

Pada masa yang sama, katanya, negara-negara membangun harus melaksanakan piawai buruh teras yang dilaksanakan menerusi beberapa konvensyen yang bermatlamat mempertingkatkan kedudukan ekonomi dan syarat-syarat pekerjaan yang baik untuk kaum pekerja serta bertindak menghapuskan kemiskinan yang menjadi teras kepada dasar negara-negara membangun.

-- BERNAMA

SNS RV ZB